SULIT

SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BILANGAN 1/2015

HAD NILAI TAWARAN *(THRESHOLD AMOUNT)* LEMBAGA TAWARAN KECIL (LTK)

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pengemaskinian pengurusan dan pentadbiran hal ehwal tawaran Lembaga Tawaran Kecil (LTK) di Kementerian-Kementerian seperti berikut:

1.1 Had nilai tawaran *(threshold amount)* yang dikendalikan di peringkat LTK bagi semua Kementerian diturunkan daripada $500,000.00 kepada $250,000.00.

1.2 Bagi tujuan meningkatkan disiplin dan akauntabiliti LTK terutama sekali di dalam memastikan bahawa penilaian sokongan tawaran adalah berasaskan kepada *value for money* dan adalah selaras dengan kebenaran peruntukan, setiap pembelian atau perolehan yang dikendalikan samada melalui proses Sebutharga atau Tawaran, hendaklah memenuhi syarat-syarat di dalam *checklist* di **LAMPIRAN 1.1** dan borang sokongan di **LAMPIRAN 1.2** sebagai panduan dan rujukan.

1.3 Semua pembelian kenderaan hendaklah dihadapkan untuk pertimbangan Lembaga Tawaran Negara bagi tujuan pengawalan jumlah pembelian kenderaan dari segi keutamaan dan jenis keperluan dengan menyertakan senarai daftar kenderaan yang ada pada masa ini digunakan oleh Kementerian/Jabatan yang memohon.

1.4 Pegawai/Kakitangan yang didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan di atas boleh dikenakan tindakan tatatertib dan/atau surcaj selaras dengan peraturan yang berjalan dari masa kesemasa.

1.5 Menghadapkan Salinan Minit Mesyuarat LTK yang telah diluluskan oleh Menteri masing-masing ke Lembaga Tawaran Negara tidak lewat daripada satu (1) minggu dari tarikh ianya diluluskan.

Surat Keliling bagi pengemaskinian pengurusan dan pentadbiran hal ehwal tawaran Lembaga Tawaran Kecil (LTK) di Kementerian-Kementerian ini akan berkuatkuasa mulai 1 April 2015. Walaubagaimanapun, peraturan-peraturan lain yang berhubungkait dengan hal ehwal tawaran di Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 3/2004 bertarikh 26 Oktober 2004 yang tidak berkaitan dengan perubahan tersebut di atas adalah masih dikekalkan.

Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat terus kepada Setiausaha Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan di Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB3910, Telefon: 2383864/2383861/2383870.

Peramba/Kaola/Saya Yang Taat
Lagi Setia Pada Menjunjung Titah Perintah

(EDDIE BIN DATO PADUKA HAJI SUNNY)
Setiausaha Tetap (Prestasi)
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: KKW/X/91
Tarikh: 14 Jamadilakhir 1436
4 April 2015

Pembahagian Kepada:

Yang Mulia Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Perhubungan
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kemnterian Hal Ehwal Dalam Negeri
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan
Yang Mulia Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Yang Mulia Juruaudit Agung
Yang Mulia Jurukira Agung